

Mahathir tangkis anggapan sebuah kuasa terbesar

'PERANG TELUK' BERLAKU DI ASIA

(2)

Oleh
**Zainuddin Maidin dan
Khalid Mohd.**

SINGAPURA 27 Jan. — Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menangkis anggapan sebuah kuasa terbesar bahawa 'Perang Teluk' boleh berlaku di Asia Timur jika tenteranya tidak ada di rantau ini untuk menyekatnya.

Berucap di pembukaan Sidang Kemuncak ASEAN Ke-4, beliau menegaskan: "Saya harap kuasa tentera yang terkuat itu dengan agensi risikunya yang efisien tidak betul bila ia meramalkan kemungkinan berlaku 'Perang Teluk' di Asia Timur yang hanya boleh disekat dengan kehadiran tenteranya di sini."

Beliau berkata, negara-negara Asia Timur sedar betapa sia-sianya peperangan yang bertujuan menakluki wilayah orang.

"Sudah tentu mereka juga menyedari bahawa pembangunan ekonomi dan perdagangan dengan negara-negara jiran jauh lebih membawa faedah," ujarnya yang jelas merujuk kepada Amerika Syarikat.

Tak sefahaman

Tangkisan Perdana Menteri ditujukan kepada kenyataan Penolong Setiausaha Negara Amerika, Bahagian Asia Timur dan Pasifik, Richard H. Solomon baru-baru ini bahawa negaranya tidak mahu melihat apa yang berlaku ke atas Kuwait berlaku di rantau ini.

Menurut Solomon, Amerika Syarikat perlu hadir di rantau ini memandangkan negara-negara Asia Tenggara masih belum mempunyai satu persefahaman yang berkesan dalam soal keselamatan.

Beliau membuat kenyataan ini apabila ditanya tentang langkah Amerika Syarikat menggunakan Singapura sebagai pangkalan untuk menyenggara pesawat dan kapal perangnya ekoran penutupan Pangkalan Teluk Subic, Filipina dalam satu temuramah melalui satelit baru-baru ini.

Bertolak dari senario ini, Dato' Sri Dr. Mahathir menyeru sidang kemuncak supaya mengambil langkah menyiapkan diri bagi

LIHAT MUKA 2

**TAK
AKKAN
TIMUR**

'PERANG TELUK' TAK AKAN BERLAKU DI ASIA TIMUR

menghadapi perubahan dunia di mana mereka yang kuat dan kaya akan terus menekan mereka yang kecil dan sedang membangun.

Perdana Menteri membangkitkan bagaimana mereka yang kuat itu menolak bulat-bulat usaha Malaysia membentuk Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) sedangkan mereka bebas membentuk apa sahaja yang mereka suka.

Sambil mencemooh keangkuhan golongan yang kuat itu, Dato' Sri Dr. Mahathir bertanya: "Apakah semua ini tanda-tanda awal orde baru dunia yang sedang mereka susun?"

Walaupun tidak disebutnya, amat jelas beliau menunjukkan kekecewaannya terhadap kuasa tunggal dunia, Amerika Syarikat, yang bertanggungjawab menyulitkan pembentukan EAEC dengan menolaknya dan mempengaruhi pula gergasi-gergasi ekonomi seperti Jepun dan Korea Selatan supaya jangan menyertai forum itu.

Dato' Sri Dr. Mahathir menegaskan kepada sidang kemuncak yang bermula pagi ini bahawa ASEAN tidak boleh membiarkan ia diperkotak-katikan dan ikatan pertubuhan ini perlu diperkukuhkan untuk menghadapi tekanan-tekanan yang terus menimpa.

Beliau menarik perhatian bahawa dalam dunia yang sedang berubah dengan begitu cepat sekarang, perdagangan antarabangsa dan hubungan ekonomi dikawal dan diurus dengan tujuan melindungi kepentingan blok-blok perdagangan yang sedia kuat.

Malangnya, ujar beliau, hanya bangsa tertentu dan negara-negara tertentu sahaja yang diboleh melindungi kepentingan mereka.

Dalam dunia yang sedang mereka atur itu katanya, orang-orang Asia Timur tidak bolehpun memanggi diri mereka orang Asia Timur dan hendak bentuk sebuah forum bagi merundingkan kepentingan bersama pun tidak boleh.

"Kita memerlukan suatu asas yang kukuh bagi ASEAN menghadapi ketidakpastian baru dalam suasana Asia-Pasifik yang lebih meluas dan juga dalam dunia yang semakin cepat berubah ini, ujar beliau.

Perdana Menteri berkata, apabila Perang Dingin tamat, negara-negara dalam rantau ASEAN merasakan mereka seharusnya lebih bebas tetapi nampaknya "kami menjadi kurang bebas daripada dulu."

"Orde baru dunia yang sedang mengambil tempat sekarang nampaknya penuh dengan pantang-larang," tegas beliau.

Bagaimanapun, Dr. Mahathir tetap yakin ASEAN yang sudah mencapai usia 25 tahun akan dapat menghadapi segala tekanan yang dikenakan ke atasnya dan akan dapat terus hidup sebagai satu pakatan serantau negara-negara sedang membangun yang paling berjaya.

Beliau juga percaya bahawa apa juga masalah sempadan dan saingan ekonomi sesama sendiri yang dihadapi sekarang, ASEAN tidak mempunyai pilihan melainkan terus mara dengan berani sebagai sebuah pertubuhan serantau.

Dato' Sri Dr. Mahathir menegaskan, jika ASEAN bijak mengatur langkah menghadapi perubahan-perubahan yang sedang berlaku di dunia hari ini, ia mungkin muncul lebih kuat dan berjaya daripada penyusunan semula dunia itu.

Bagaimanapun, beliau mengingatkan, semua ini akan hanya dapat diperolehi jika kestabilan di rantau ini dapat diperkuatkan apa lagi dengan penyelesaian masalah Kemboja.

Dalam hubungan ini, Perdana Menteri berkata, ASEAN hendaklah mengambil inisiatif untuk menyusun semula hubungannya dengan negara-negara Indo-China dengan mengadakan hubungan dua hala dan juga sebagai satu kumpulan.

"Dan sekiranya mereka berhajat, mereka hendaklah diterima menjadi anggota ASEAN dengan memperakui Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama kita," katanya.

Beliau menambah, jika ASEAN hendak mengekalkan kestabilan dan kemakmurannya, ia hendaklah juga menolong jiran-jirannya supaya mereka turut menikmati kemakmuran kerana jiran yang miskin dan susah tidak akan membawa kebaikan kepada sesiapa.